

Newspaper	Berita Harian
Date	19/08/2017B

Pemuda sifatkan Dr M musuh Melayu

BH-19/8/2017 PG 6

Kota Bharu: Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai musuh utama Melayu yang berusaha menghapuskan UMNO.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda UMNO tidak boleh silap menyasarkan musuh dalam peperangan politik.

"Hari ini, dalam konteks peperangan, kena lihat siapa musuh kita. Musuh orang Melayu dan sedang berusaha untuk hapuskan parti keramat tidak lain tidak bukan adalah Tun Dr Mahathir.

"Saya terus nyatakan nama beliau kerana tidak mahu jentera kita salah sasaran kerana setiap ungkapan beliau (Dr Mahathir) adalah untuk menghancurkan UMNO," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Kota Bharu, di

sini, semalam.

Beliau berkata, sifat tamak dan ego Dr Mahathir menyebabkan beliau lupa akan perjuangan UMNO.

"Sepanjang 22 tahun Dr Mahathir memerintah, UMNO terpaksa 'menghalalkan' apa saja tindakan yang dibuat bekas Perdana Menteri itu atas kapasitinya sebagai Presiden UMNO ketika itu selain kesetiaan.

"Suatu masa dahulu, dialah presiden kita, bahkan tindakannya memecat timbalannya ketika itu (Datuk Seri Anwar Ibrahim), kita tetap membenarkan tindakannya.

"Tapi lihat apa yang dibuatnya sekarang. Beliau ingin rosakkan perjuangan UMNO, fitnah macam-macam kepada Datuk Seri Najib Razak sehingga ada yang percaya kepada pembobohan itu," katanya.

Justeru, Khairul Azwan meng-

gesa ahli UMNO bangkit demi mempertahankan wadah perjuangan parti itu, sekali gus menentang anasir yang dibawa Dr Mahathir.

Dalam perkembangan lain, Khairul Azwan menggesa Pemuda UMNO menggerakkan perjuangan parti melalui laman sosial seiring perkembangan teknologi masa kini.

Facebook terangkan perjuangan UMNO

Katanya, Pemuda perlu membuka banyak akaun Facebook bagi menerangkan perjuangan UMNO dalam erti kata sebenar.

"Perjuangan kini tidak sama seperti dulu. Sekarang, tanggungjawab perjuangan sedikit sebanyak sudah berpindah ke laman sosial.

"Saya percaya usaha itu akan berhasil kerana ramai pengundi

yang percaya dan yakin UMNO yang memberi kesejahteraan berpanjangan serta pembangunan berterusan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Khairul Azwan mengingatkan ahli parti supaya memfokus kepada persiapan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 dan mengetepikan sebarang isu yang tiada kepentingan parti.

Katanya, Pemuda UMNO perlu memastikan parti menang walaupun ada dalam kalangan mereka yang mempunyai cita-cita peribadi.

"Saya sarankan kepada ahli UMNO seluruh negara supaya ketepikan jika wujud unsur yang berat dan sedang rancak difikirkan berkaitan pemilihan parti yang belum tahu bila lagi. Fokus kita adalah PRU, bukan pemilihan parti," katanya.



Usul Pemuda UMNO Bahagian Kota Bharu

→ **Mendesak penganjur** Program Nothing To Hide 2.0 tidak babitkan ahli UMNO berhubung kekecohan yang terdetus.

→ **Mendesak pihak** berwajib seperti polis menjalankan siasatan agar pesalah merusuh menerima hukuman setimpal.

→ **Mendesak pihak** berwajib mengambil tindakan tegas terhadap pakatan pembangkang yang melakukan fitnah.